

23/02/2000

Isu SSB tidak wajar berpanjangan

PENJELASAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin bahawa Sistem Saraan Baru (SSB) yang diperkenalkan pada 1992, kini dalam proses perbincangan antara kerajaan dengan Cuepacs melegakan banyak pihak. Jika sebelum ini ada pihak mengatakan kerajaan tidak bercadang merombak SSB, ia hanyalah desas-desus semata-mata. Hakikatnya, kerajaan sudah pun bertindak lebih jauh setelah mendengar pelbagai rungutan mengenai pelaksanaannya. Sekiranya ada mekanisme yang lebih baik, satu sistem baru mungkin diperkenalkan. Segala-galanya bergantung kepada hasil kajian dan rundingan yang dijalankan sekarang.

Jaminan Dr Mahathir bahawa kerajaan akan mendengar pandangan semua pihak sebelum membuat keputusan muktamad, adalah langkah bijak. Adalah tidak wajar sebarang pindaan dibuat jika kajian mendapati rungutan hanya ditimbulkan oleh segelintir kakitangan awam semata-mata. Kajian menyeluruh adalah amat perlu bagi mengelakkan ada pihak yang teraniaya. Di atas keprihatinannya, Dr Mahathir sendiri mengambil daya usaha berbincang dengan Presiden Cuepacs, N Siva Subramaniam mengenai memorandum yang dihantar kepada kerajaan berhubung isu itu.

Isu SSB sering dibangkitkan berikutan rungutan kakitangan awam yang berasa tidak puas hati dengan pelaksanaannya, yang dikatakan berat sebelah atau wujud pilih kasih dalam urusan kenaikan pangkat. Walaupun tujuan utama SSB adalah untuk menilai prestasi kerja kakitangan awam setiap tahun bagi membolehkan mereka menerima kenaikan gaji, pelaksanaannya dikatakan tidak dapat memuaskan hati banyak pihak. Ia hanya dilihat cenderung kepada tindakan pilih kasih oleh ketua jabatan.

Sudah menjadi lumrah, tidak semua kakitangan yang menganggap bekerja keras atau berkhidmat dengan cemerlang diberi pertimbangan untuk kenaikan gaji sewajarnya. Ini kerana prestasi kerja mereka dinilai oleh ketua jabatan yang mungkin mempunyai keutamaan terhadap seseorang kakitangan tertentu. Paling popular mereka mendakwa sesiapa saja yang disenangi ketua jabatan mendapat perhatian manakala yang lain dipinggirkan. Adalah tidak wajar SSB dijadikan sasaran atas kelemahan ini. SSB mungkin baik tetapi pelaksanaannya masih lemah. Satu faktor dikenal pasti mencacatkan pelaksanaan SSB ialah sikap pegawai yang tidak jujur, amanah dan komited kepada tugas masing-masing.

Walaupun rundingan demi rundingan diadakan antara kerajaan dengan Cuepacs sebelum ini, isu SSB masih belum dapat diselesaikan. Memang wujud percanggahan pendapat antara kerajaan dan Cuepacs. Kerajaan berpendapat SSB adalah sistem terbaik untuk menilai prestasi kerja kakitangan awam sebaliknya Cuepacs menganggap ia tidak adil dan satu sistem lain perlu dilaksanakan.

Bagi memudahkan urusan ini adalah dirasakan perlu satu kaji selidik di kalangan kakitangan awam diadakan. Hanya dengan cara ini akan dapat mengetahui sama ada dakwaan yang dibuat selama ini berasas atau sebaliknya. Adalah dirasakan tidak sukar untuk mengedat borang soal selidik berkenaan menerusi ketua-ketua jabatan. Tambahan pula, kakitangan awam pasti akan memberi sokongan menjayakan kerana ia membabitkan periuk nasi mereka. Hasil kaji selidik ini boleh dijadikan asas untuk membuat keputusan yang tepat mengenai nasib SSB, sama ada dikekalkan, diperbaiki atau dimansuhkan.

Bagi pihak kerajaan pula, setelah SSB diamalkan lebih lapan tahun, kerajaan sudah tentu dapat menilai prestasi pelaksanaannya dan mengetahui

kelemahan dan kekurangannya. Jika sistem ini hendak diteruskan juga maka setiap kelemahan dan kekurangan yang dikenal pasti hendaklah diatasi. Kegagalan berbuat demikian akan menjejaskan prestasi kakitangan awam.

Selain itu, Cuepacs boleh memberi cadangan yang sesuai dan boleh diterima kakitangan awam berhubung prestasi kerja dan kenaikan gaji mereka. Kerjasama kerajaan-Cuepacs adalah penting bagi mewujudkan satu sistem penilaian yang baik dan berkesan. Tidak ada gunanya pihak terbabit terus berkeras untuk melaksanakan cadangan masing-masing kerana pada akhirnya yang rugi ialah kerajaan dan kakitangan awam sendiri.

Apa pun, kakitangan kerajaan perlu bersabar menunggu setiap keputusan kerajaan kerana tugas merombak satu sistem yang membabitkan 800,000 kakitangan awam dengan pelbagai kategori jawatan, bukanlah mudah. Apa yang jelas isu SSB tidak seharusnya dibiarkan berpanjangan kerana ia boleh menjejaskan pentadbiran kerajaan. Paling membimbangkan, jika ada pihak yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan daripada isu ini untuk kepentingan politik mereka.

(END)